

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR  
[CAMERON HIGHLANDS]**

**TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN : 38**

**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [ Cameron Highlands ]** minta PERDANA MENTERI menyatakan jika benar, kenapakah tanah kawasan perkampungan Orang Asli Pos Trisu Cameron Highlands yang telah diwartakan sebagai Perkampungan Orang Asli disewakan kepada pengusaha kebun sayur oleh Ketua Pengarah JAKOA tanpa menetapkan tempoh luput sewaan. Industri pertanian tersebut telah menimbulkan banyak isu kerosakan alam sekitar dan jalanraya selain mengimport masalah social di kalangan penduduk Orang Asli apabila ada pekerja pendatang asing sama ada berpermit atau tidak hadir dan menetap di dalam kawasan perkampungan Orang Asli tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kawasan Rancangan Penempatan Semula (RPS) Terisu terdiri daripada empat (4) buah kampung iaitu Kampung Sungai Getan, Kampung Sungai Telimau, Kampung Terisu dan Kampung Sungai Jarik. Untuk makluman, kesemua kawasan ini berstatus tanah Kerajaan Negeri dan masih belum diwartakan.

Bagi penyewaan tanah Kerajaan Negeri, prosedur dan syarat daripada Kerajaan Negeri hendaklah dipatuhi dan kelulusan bagi sewaan adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri dan bukannya di bawah kuasa Ketua Pengarah JAKOA. Malah, bagi permohonan yang melibatkan tanah di Cameron Highlands, perlu melalui Jawatankuasa Teknikal Negeri terlebih dahulu sebelum dipertimbangkan oleh pihak MMK. JAKOA akan menyediakan ulasan kepada Kerajaan Negeri sekiranya menerima permohonan sewaan tersebut.

JAKOA akan meneliti semula isu-isu yang dibangkitkan oleh YB dan akan menyusul perkara ini kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk ulasan dan pandangan.

Sekian. Terima kasih.